Kod Etika Bagi Profesional Awal Kanak-kanak di Malaysia

Second Edition

Early Childhood Care and Education Council Malaysia

Kod Etika Bagi Profesional Awal Kanak-Kanak di Malaysia

Edisi Kedua

Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

9 786299 297208

Hak Cipta ©2026 Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Majlis ECCE) Malaysia

Diterbitkan oleh Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Majlis ECCE) Malaysia

T15, Tingkat 11, Menara Ken TTDI
37, Jalan Burhanuddin Helmi,
Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia

Emel: admin@eccecouncil.org
Laman Web: www.eccecouncil.org

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam sistem simpanan capaian semula, atau disiarkan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara – elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau selainnya – tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Majlis ECCE terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Kod Etika Bagi Profesional Awal Kanak-Kanak di Malaysia
ISBN: 978-629-92972-0-8

Dicetak di Malaysia

Ini merupakan penerbitan keempat Majlis ECCE. Penerbitan lain ialah Panduan Asuhan Berkualiti, Panduan Prasekolah Berkualiti dan Laporan Ringkasan Perbincangan Meja Bulat mengenai Jenayah Siber terhadap Kanak-Kanak, Khususnya Buli Siber.

Kandungan

Kata Pengantar v

Pendahuluan 1

Definisi Istilah 3

Kod Etika 5

- Kanak-Kanak 5
- Keluarga 6
- Komuniti 7
- Rakan Sekerja 8
- Majikan 8
- Saya Sebagai Profesional 9
- Pelajar Praktikum 10
- Pelaksanaan Kajian 11

Glosari 12

Penghargaan 18

Kata Pengantar

Bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, seperti profesion lain, memerlukan suatu kod etika bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang berkualiti melalui penetapan standard integriti sejagat dalam pelaksanaan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Kod etika juga penting untuk memastikan kebertanggungjawaban serta melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk kemudaratan dan amalan yang tidak wajar. Majlis Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) telah diberikan mandat oleh Kerajaan untuk meningkatkan tahap profesionalisme serta kualiti asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak dalam sektor swasta (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, hlm. 7-5). Sejajar dengan mandat tersebut, Majlis telah membangunkan Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak di Malaysia pada tahun 2019.

Keperluan untuk mengkaji semula Kod Etika tersebut bagi tujuan pengemaskinian, pemurnian dan penyelarasan adalah didorong oleh dua faktor utama.

Pertama, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengiktiraf kepentingan etika dalam Programme Standards: Early Childhood Education (PS: ECE) 2025 Edisi Kedua. Pada masa ini, dokumen tersebut merujuk kepada Code of Ethics of Professional Early Childhood Education pada halaman 3, Lampiran 3. Memandangkan Malaysia telah mempunyai Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak sendiri, Majlis ECCE mengesyorkan agar rujukan dalam PS: ECE 2025 Edisi Kedua dikemas kini dengan merujuk secara khusus kepada Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak di Malaysia.

Kedua, perkembangan otak kanak-kanak berlaku dengan lebih pesat dalam tempoh lima tahun pertama kehidupan berbanding dengan peringkat perkembangan yang lain, dengan sehingga sejuta sambungan saraf terbentuk pada setiap saat. Dalam tempoh yang kritikal ini, kanak-kanak amat sensitif terhadap kualiti asuhan, pendidikan dan pengalaman yang diterima. Penyampaian asuhan dan pendidikan kanak-kanak yang tidak berkualiti atau berlakunya amalan salah boleh menyemai mentaliti pembuli atau mangsa sejak tahun-tahun awal pembentukan mereka. Dalam keadaan kadar keganasan yang semakin

meningkat di sekolah, pusat latihan, universiti dan tempat kerja pada masa ini, setiap profesional awal kanak-kanak semakin dituntut untuk menyediakan asuhan dan pendidikan yang berstandard tinggi serta berteraskan amalan beretika.

Bagi mencapai tujuan tersebut, satu perbincangan meja bulat (RTD) telah diadakan pada 8 April 2026 di Bilik Lembaga, Taylor's University. Peserta terdiri daripada wakil Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kolej dan universiti, serta TASKA dan TADIKA. Hasil dari perbincangan tersebut, para peserta bersetuju bahawa Kod Etika tersebut bersifat menyeluruh dan hanya memerlukan beberapa pindaan kecil dicadangkan.

Perbincangan tersebut kemudiannya disusuli dengan satu bengkel bagi meneliti Kod Etika secara lebih mendalam serta mengenal pasti dan mencadangkan sebarang perubahan lanjut yang diperlukan. Bengkel Pengkajian Semula dan Pemurnian Kod Etika yang diadakan pada 7 Jun 2026 telah menghimpunkan tiga kumpulan utama, iaitu Penggubal Dasar dan Ahli Akademik, TASKA, serta TADIKA. Hasil perbincangan mendapati bahawa ketiga-tiga kumpulan tersebut hanya mencadangkan beberapa perubahan kecil, dan tiada satu pun cadangan yang melibatkan pindaan besar terhadap Kod Etika.

Jawatankuasa Pemurnian dan Penyemakan kemudiannya mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi meneliti cadangan-cadangan tersebut serta membuat pindaan yang diperlukan. Setelah proses tersebut selesai, Kod Etika berkenaan diserahkan kepada pakar bidang untuk diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu.

Majlis ECCE merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pengkajian semula, penyemakan, pemurnian dan penterjemahan Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak di Malaysia atas komitmen serta kerjasama yang diberikan.

Datuk Dr Chiam Heng Keng
Pengerusi
Jawatankuasa Kod Etika

Pendahuluan

Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Majlis ECCE) mengakui bahawa pendidik awal kanak-kanak – pengasuh dan guru prasekolah – sentiasa membuat keputusan ketika mengasuh dan mendidik kanak-kanak. Keputusan yang dibuat akan memberikan kesan kepada semua aspek pembelajaran kanak-kanak dari aspek fizikal, kognitif, linguistik, sosial, emosi, moral dan kerohanian. Kod etika ini telah dibangunkan untuk memberikan rangka kerja bagi tanggungjawab beretika, panduan kepada pendidik awal kanak-kanak bagi membimbing tingkah laku mereka yang bertanggungjawab, dan digunakan sebagai asas dalam penyelesaian dilema etika yang dihadapi semasa menjalankan tugas mereka. Dokumen ini juga memberikan maklumat kepada orang ramai tentang tingkah laku yang boleh diharapkan daripada pendidik awal kanak-kanak.

Kod Etika ini menggariskan prinsip dan standard sejagat bagi amalan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Profesional awal kanak-kanak disarankan untuk menerapkan Kod ini dalam amalan mereka demi menyokong perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak di bawah jagaan masing-masing.

Kod Etika ini berasaskan prinsip-prinsip berikut:

1. Setiap kanak-kanak adalah unik dan semua kanak-kanak mempunyai keupayaan untuk belajar serta berkembang.

2. Kanak-kanak berkembang dan belajar melalui cara serta pada kadar yang berbeza. Semua aspek perkembangan saling berkaitan dan sama pentingnya.

3. Persekitaran memainkan peranan utama dalam menyokong dan memperluas pertumbuhan, perkembangan serta pembelajaran kanak-kanak.

4. Hubungan yang penuh kasih sayang, responsif dan terjamin menjadi asas kepada perkembangan kanak-kanak, khususnya dalam memupuk keyakinan diri, kemandirian dan daya tahan.

5. Tanggungjawab bersama melalui kerjasama dengan keluarga dan sokongan komuniti dapat meningkatkan pembelajaran, perkembangan serta kesejahteraan kanak-kanak.

Kod ini mengenal pasti lapan bidang tanggungjawab profesional untuk pendidik awal kanak-kanak, iaitu: (1) Kanak-kanak; (2) Keluarga; (3) Komuniti; (4) Rakan Sekerja; (5) Majikan; (6) Diri Saya sebagai Seorang Profesional; (7) Pelajar Praktikum; dan (8) Pelaksanaan Penyelidikan.

Kod Etika ini bertujuan memberikan panduan tentang tingkah laku yang bertanggungjawab dan beretika. Bagi memanfaatkan panduan ini secara optimum, pendidik awal kanak-kanak digalakkan untuk membaca bahagian Definisi Istilah dan membiasakan diri dengan konsep-konsep utama yang digunakan dalam Kod ini terlebih dahulu.

Bagi setiap satu daripada lapan bidang tanggungjawab tersebut, pendidik awal kanak-kanak hendaklah meneliti dan membuat refleksi terhadap setiap perkara bagi memahami maksud serta implikasinya terhadap tingkah laku profesional dan interaksi dengan pihak lain. Glosari disediakan bagi membantu menjelaskan istilah-istilah yang kurang dikenali, walaupun tidak semua konsep yang berkaitan dapat dihuraikan secara menyeluruh dalam glosari tersebut. Sehubungan itu, TASKA dan TADIKA digalakkan untuk mengadakan perbincangan secara berkala bagi memperkukuh pemahaman tentang Kod ini, membincangkan dilema etika serta mengenal pasti tindakan yang wajar diambil. Refleksi secara bersama ini dapat menyokong proses membuat keputusan yang beretika dalam amalan harian, termasuk dalam kalangan kakitangan yang telah menerima latihan berkaitan dengan Kod Etika.

Definisi Istilah

Etika ialah prinsip moral yang berasaskan pertimbangan mengenai sesuatu yang dianggap betul atau salah dari segi moral. Etika memandu keputusan yang kita buat dan cara kita berhubung dengan orang lain.

Kod etika menggariskan nilai dan prinsip bersama yang menjadi panduan kepada tingkah laku profesional. Kod ini membantu pendidik menentukan tindakan yang wajar, khususnya apabila berhadapan dengan situasi yang sukar atau tanggungjawab yang saling bersaing. Kod ini juga membantu pendidik mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, inklusif dan saling menghormati agar setiap kanak-kanak berasa dihargai, disokong dan dilindungi.

Pendidik awal kanak-kanak ialah seorang profesional yang telah memperoleh kelayakan minimum yang ditetapkan untuk bekerja dengan kanak-kanak. Peranan mereka adalah untuk mengasuh, memelihara, mendidik dan menyokong perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.

Kanak-kanak dalam peringkat awal kanak-kanak ialah mereka yang berada pada peringkat awal kehidupan dan mengikuti asuhan atau pendidikan di taman asuhan kanak-kanak, prasekolah/TADIKA.

Keluarga merujuk kepada individu-individu yang memikul tanggungjawab penting dalam mengasuh dan menjaga seseorang kanak-kanak atau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kanak-kanak tersebut.

Komuniti merujuk kepada sekumpulan individu yang tinggal di kawasan yang sama atau berkongsi ciri-ciri, minat, nilai atau pengalaman yang sama.

Rakan sekerja merujuk kepada individu yang bekerja bersama-sama seseorang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan boleh merangkumi majikan.

Hubungan kolaboratif ialah perkongsian dinamik antara dua orang atau lebih rakan sekerja yang berteraskan rasa hormat, kepercayaan dan ketelusan untuk mencapai matlamat bersama demi kepentingan terbaik kanak-kanak.

Majikan ialah individu atau organisasi yang menggaji pendidik awal kanak-kanak.

Pelajar praktikum ialah pelajar yang mengikuti program pendidikan awal kanak-kanak dan menjalani penempatan kerja di lapangan di bawah penyeliaan untuk mengaplikasikan, mempraktikkan dan menunjukkan pengetahuan yang telah diperoleh serta kemahiran yang sedang dikembangkan.

Pelaksanaan penyelidikan merujuk kepada pengumpulan maklumat atau data dalam apa-apa bentuk oleh kakitangan sesebuah organisasi, pelajar praktikum, penyelia praktikum atau penyelidik lain bagi tujuan penyelidikan.

Organisasi merujuk kepada taman asuhan kanak-kanak, prasekolah/TADIKA tempat pendidik awal kanak-kanak bekerja.

Institusi merujuk kepada institusi tempat pelajar praktikum mengikuti program pendidikan awal kanak-kanak.

Kod Etika

1 KANAK-KANAK

Berkenaan dengan kanak-kanak, saya akan:

1. Bertindak demi kepentingan semua kanak-kanak.
2. Menghormati dan memperjuangkan hak kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu.
3. Mengakui semua kanak-kanak adalah unik dan mempunyai potensi yang tersendiri.
4. Mengakui bahawa kanak-kanak adalah pelajar yang kompeten dan melibatkan mereka dalam semua aspek pembelajaran mereka.
5. Mengiktiraf setiap kanak-kanak mempunyai potensi untuk terlibat secara aktif dalam semua bidang.
6. Menghormati hak kanak-kanak untuk bermain.
7. Mengakui hak budaya dan bahasa kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
8. Memerhatikan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak, dan menggunakan strategi dan maklumat pentaksiran yang tepat untuk pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam semua seting.
9. Mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat dari segi mental dan fizikal untuk meningkatkan pembelajaran kanak-kanak secara menyeluruh.
10. Memastikan kanak-kanak tidak didiskriminasikan berdasarkan etnik, agama, bahasa, jantina, umur, kebolehan, status ekonomi, struktur keluarga, gaya hidup, budaya atau kewarganegaraan.

11. Bertindak balas terhadap kanak-kanak berkeperluan khas dengan menyediakan persekitaran yang kondusif dan inklusif.

12. Menghormati hubungan istimewa antara kanak-kanak dengan keluarga mereka serta menggabungkan perspektif ini dalam semua interaksi saya dengan kanak-kanak.

13. Memperjuangkan perlindungan semua kanak-kanak dari segala jenis penderaan serta bertindak mengikut polisi dan undang-undang.

2 KELUARGA

Berkenaan dengan keluarga, saya akan

1. Menghormati keunikan setiap keluarga dan memahami budaya, gaya hidup, adat, bahasa, kepercayaan, nilai serta sistem kekeluargaan mereka.

2. Mengakui hak keluarga untuk membuat keputusan terhadap anak-anak mereka mengikut keadaan.

3. Sensitif terhadap kerentanan kanak-kanak dan keluarga serta bertindak balas dengan cara yang baik untuk memelihara maruah mereka.

4. Berkongsi amalan pentaksiran mengenai perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak dengan cara yang difahami oleh keluarga.

5. Mendengar maklumat dari keluarga, mengakui kekuatan dan kompetensi mereka supaya dapat menyokong peranan mereka dalam asuhan dan pendidikan anak mereka.

6. Membina kepercayaan antara satu sama lain melalui komunikasi yang positif, terbuka dan jujur.

7. Membangunkan dan menyokong perkongsian dengan keluarga dan melibatkan mereka dalam membuat keputusan bersama apabila diperlukan.

8. Mengekalkan kerahsiaan dan menghormati hak untuk privasi keluarga kecuali apabila kebajikan kanak-kanak berada dalam keadaan risiko.

9. Membantu setiap keluarga memupuk rasa kekitaan dan menjadi sebahagian daripada komuniti TASKA/TADIKA.

3 KOMUNITI

Berkenaan dengan komuniti, saya akan

1. Mempelajari tentang komuniti di persekitaran tempat saya bekerja dan memanfaatkan pengetahuan tersebut dalam pelaksanaan tugas bersama kanak-kanak.

2. Memperjuangkan pembentukan komuniti yang mesra kanak-kanak dan keluarga.

3. Menggalakkan komuniti yang memahami bagaimana kanak-kanak berkembang dan belajar.

4. Mempromosikan program yang bersesuaian dengan perkembangan dan kebudayaan kanak-kanak.

5. Menggunakan pengetahuan dan dapatan penyelidikan untuk memperjuangkan akses kepada program pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti bagi semua kanak-kanak.

6. Menjalin hubungan dengan perkhidmatan dan agensi dalam komuniti yang memberikan sokongan kepada kanak-kanak serta keluarga mereka.

4 RAKAN SEKERJA

Berkenaan dengan rakan sekerja, saya akan

1. Menggalakkan rakan sekerja saya untuk menerima dan mematuhi kod etika ini serta mengambil tindakan sekiranya sebarang aspek dilanggar.

2. Menghormati semua rakan sekerja tanpa mengambil kira etnik, agama, jantina, umur, kelayakan, kebolehan, bahasa, status ekonomi, status perkahwinan, gaya hidup, budaya atau kewarganegaraan.

3. Menghormati dan menyokong kekuatan peribadi, pengalaman profesional dan kepelbagaian rakan sekerja saya.

4. Membina hubungan kolaboratif berdasarkan kepercayaan, hormat dan integriti.

5. Menggunakan pendekatan yang membina untuk menangani perbezaan dan konflik di tempat kerja.

6. Berkongsi pengetahuan, pengalaman dan sumber dengan rakan sekerja bagi pembangunan profesional secara berterusan.

5 MAJIKAN

Berkenaan dengan majikan, saya akan

1. Menegakkan reputasi organisasi melainkan jika ia melanggar undang-undang dan peraturan untuk melindungi kanak-kanak dan staf atau kod etika ini.

2. Menyokong peraturan tempat kerja, piawaian serta keadaan kerja yang adil dan tiada diskriminasi.

3. Mematuhi dasar dan prosedur pusat serta berusaha menyelesaikan sebarang konflik yang timbul melalui tindakan yang membina.

4. Menyokong dan menggalakkan perkembangan profesional secara berterusan bagi semua staf.

5. Memupuk hubungan yang positif dan kolaboratif dalam organisasi.

6 SAYA SEBAGAI PROFESIONAL

Berkenaan dengan saya sebagai profesional, saya akan

1. Mendasarkan tugas saya pada teori, pengetahuan kandungan, nilai, kemahiran, amalan berasaskan bukti, dasar serta pemahaman saya tentang kanak-kanak dan keluarga mereka.

2. Menegakkan amalan profesional dan beretika serta bertindak dengan cara yang dapat memajukan kepentingan dan martabat profesion saya.

3. Melaksanakan refleksi kritis, mengamalkan pendekatan pendidikan awal kanak-kanak berasaskan bukti dan mengikuti pembangunan profesional secara berterusan.

4. Sentiasa mengikuti perkembangan penyelidikan semasa dan amalan pendidikan awal kanak-kanak berasaskan bukti.

5. Membina dan menjalinkan hubungan profesional yang kolaboratif.

6. Membimbing profesional awal kanak-kanak yang baharu.

7. Menghormati kerahsiaan maklumat yang berkaitan dengan kanak-kanak, keluarga, kakitangan dan pihak pengurusan.

8. Mengekalkan hubungan profesional dengan keluarga tanpa mengeksploitasi hubungan tersebut untuk kepentingan peribadi.

9. Berkongsi nilai, pengetahuan dan amalan profesional saya dengan masyarakat serta memberikan sumbangan kepada komuniti asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

10. Menyedari bahawa keupayaan saya untuk menyediakan asuhan dan pendidikan yang berkualiti kepada kanak-kanak bergantung pada kesejahteraan fizikal, psikologi, sosial dan emosi saya.

11. Menghormati hak milik organisasi.

12. Menyampaikan kelayakan profesional, pengalaman dan afiliasi saya secara jujur pada setiap masa.

7 PELAJAR PRAKTIKUM

Berkenaan dengan pelajar praktikum, saya akan

1. Memahami keperluan institusi pelajar praktikum serta berkomunikasi secara terbuka dengan wakil institusi dan penyelia praktikum.

2. Mengiktiraf dan menyokong kepelbagaian, kekuatan diri, pengetahuan profesional serta pengalaman yang dibawa oleh pelajar praktikum sepanjang menjalani penempatan praktikum.

3. Menyediakan peluang dan sumber kepada pelajar praktikum untuk menunjukkan kecekapan mereka.

4. Memberikan maklum balas membina secara berterusan serta melaksanakan penilaian yang adil dan saksama.

5. Menjadi pembimbing dan teladan dalam amalan profesional kepada pelajar praktikum.

6. Melibatkan dan memperkasa pelajar praktikum agar dapat memberikan sumbangan positif sepanjang penempatan praktikum mereka.

7. Menjaga kerahsiaan maklumat yang berkaitan dengan pelajar praktikum, penyelia mereka dan program institusi.

8 PELAKSANAAN KAJIAN

Berkenaan dengan pelaksanaan kajian, saya akan

1. Mengiktiraf kemungkinan kesan penyertaan kanak-kanak dalam penyelidikan terhadap keselamatan, keletihan, privasi dan kepentingan mereka, sama ada projek penyelidikan tersebut dijalankan dalam institusi atau oleh pihak luar.

2. Berusaha memahami tujuan dan nilai projek penyelidikan yang dicadangkan serta membuat keputusan termaklum berhubung dengan penyertaan saya dan rakan sekerja.

3. Peka terhadap penyertaan kanak-kanak dalam penyelidikan dan merundingkan penglibatan mereka dengan mengambil kira aspek seperti keselamatan, keletihan, privasi dan kepentingan mereka.

4. Memastikan setiap penyelidikan yang melibatkan saya mematuhi prosedur etika yang ditetapkan, termasuk persetujuan termaklum, hak untuk menarik diri dan kerahsiaan.

5. Memastikan imej kanak-kanak dan data lain hanya dikumpulkan setelah persetujuan termaklum diperoleh, serta disimpan dan digunakan dengan mematuhi keperluan perundangan dan dasar yang berkuat kuasa.

6. Membentangkan dapatan semua penyelidikan secara tepat dan objektif.

7. Menyokong penyelidikan yang memperkukuh dan memperluas asas pengetahuan dalam bidang awal kanak-kanak dengan memulakan serta memberikan sumbangan kepada penyelidikan tersebut sekiranya berpeluang.

Glosari

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCRC)

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCRC) bertujuan melindungi dan memajukan hak kanak-kanak di mana-mana sahaja dan pada setiap masa. Konvensyen ini telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1989. Sebagai anggota PBB, Malaysia telah menandatangani dan meratifikasi UNCRC pada tahun 1995, sekali gus menyatakan komitmen untuk menjunjung dan melindungi hak kanak-kanak.

Kod ini adalah berasaskan hak kanak-kanak sebagaimana yang termaktub dalam UNCRC.

Demi kepentingan kanak-kanak

Menurut Pasal 3 UNCRC, semua orang termasuk kerajaan, keluarga dan individu, harus membuat keputusan dan bertindak dengan cara terbaik untuk kanak-kanak.

Kanak-kanak adalah unik

Semua kanak-kanak adalah unik kerana mereka mempunyai kualiti individu dan potensi tersendiri.

Setiap kanak-kanak adalah unik kerana tiada seorang pun yang sama sepenuhnya dengan yang lain, termasuk pasangan kembar seiras. Kanak-kanak berbeza dari segi rupa fizikal, personaliti, keupayaan dan gaya pembelajaran. Semua kanak-kanak mempunyai potensi untuk tumbuh dan berkembang, walaupun pada kadar dan melalui cara yang berbeza, selaras dengan keupayaan serta pengalaman masing-masing.

Kanak-kanak adalah pelajar yang kompeten dan peserta aktif

Semua kanak-kanak merupakan individu yang berkeupayaan untuk belajar. Mereka mempunyai keinginan semula jadi untuk mengambil bahagian secara aktif dalam memperoleh pengetahuan. Mereka berupaya belajar apabila aktiviti yang dilaksanakan bersesuaian dengan

tahap perkembangan mereka. Penglibatan mental amat penting bagi memastikan pembelajaran yang berkesan.

Persekitaran yang kondusif dan inklusif

Persekitaran yang menyokong dan membolehkan kanak-kanak berkeperluan khas mengambil bahagian, belajar, membesar dan mencapai kejayaan merupakan hak mereka.

Keluarga yang berdepan dengan kerentanan

Keluarga yang berdepan dengan kerentanan ialah keluarga yang mengalami kesukaran dan cabaran, seperti masalah kewangan, isu kesihatan, struktur keluarga serta kehilangan orang tersayang. Mereka mudah mengalami tekanan emosi dan mungkin berdepan dengan penilaian yang tidak adil serta penstigmaan. Layanan yang berlandaskan tanggungjawab etika terhadap mereka menuntut kita supaya menghormati keadaan dan kerentanan yang dialami.

Membina perkongsian dengan keluarga dalam pembuatan keputusan

Pendidik awal kanak-kanak dan keluarga perlu berkomunikasi secara terbuka antara satu sama lain, khususnya berhubung dengan keputusan tentang amalan yang mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak di pusat dan di rumah.

Hak terhadap privasi

Keluarga mempunyai hak terhadap privasi. Walau bagaimanapun, jika terdapat kebimbangan bahawa seseorang kanak-kanak mungkin berisiko mengalami kemudaratan, termasuk penderaan atau pengabaian, pendidik awal kanak-kanak hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Perkhidmatan dan agensi dalam komuniti

Pendidik awal kanak-kanak perlu mengetahui kemudahan dan sumber yang tersedia dalam komuniti mereka. Kemudahan dan sumber ini termasuk perkhidmatan perubatan dan kecemasan, perkhidmatan sokongan profesional, kemudahan seperti perpustakaan, taman permainan dan ruang pembelajaran luar, serta sumber manusia seperti penceramah jemputan yang dapat memberikan penerangan kepada kanak-kanak tentang topik tertentu.

Pembangunan profesional berterusan

Pembangunan profesional berterusan merangkumi lebih daripada kelayakan awal seseorang pendidik awal kanak-kanak. Ia membantu pendidik membina, mengekalkan dan mempertingkatkan kecekapan praktikal dan profesional yang diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Etika dan kesetiaan pekerja

Pekerja hendaklah setia kepada organisasi masing-masing, khususnya dalam menjaga nama baik organisasi, dengan syarat organisasi tersebut beroperasi mengikut undang-undang, peraturan dan standard etika.

Hak milik organisasi

Organisasi memiliki hak cipta terhadap program, bahan dan sumbernya. Semua program, bahan dan sumber tersebut tidak boleh digunakan, diterbitkan semula atau diedarkan tanpa kebenaran yang sewajarnya.

Memahami keperluan praktikum

Organisasi hendaklah meminta institusi yang berhasrat menempatkan pelajar praktikum di organisasi tersebut supaya memberikan semua spesifikasi dan keperluan praktikum. Berdasarkan maklumat tersebut, organisasi boleh membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak pelajar praktikum berkenaan, ataupun merundingkan keperluan praktikum tersebut.

Mengiktiraf dan menyokong kepelbagaian serta kekuatan pelajar praktikum

Pelajar praktikum mempunyai latar belakang, kekuatan, pengetahuan dan pengalaman yang pelbagai. Organisasi hendaklah mengiktiraf dan menyokong kepelbagaian ini bagi membantu pelajar berkembang secara profesional serta memberikan sumbangan yang bermakna kepada program dan perkhidmatan organisasi.

Menyediakan peluang dan sumber

Organisasi hendaklah memberikan peluang kepada pelajar praktikum untuk merancang dan melaksanakan aktiviti kepada kanak-kanak agar mereka dapat mempraktikkan pengetahuan serta kemahiran yang telah diperoleh. Penyediaan bantuan, bahan dan sumber lain akan membantu pelajar praktikum melaksanakan aktiviti tersebut dengan berkesan.

Menjaga kerahsiaan hal ehwal praktikum

Organisasi hendaklah menjaga kerahsiaan maklumat berkaitan dengan pelajar praktikum, penyelia dan program institusi. Maklumat tersebut tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran yang sewajarnya atau alasan profesional yang sah.

Mengiktiraf kemungkinan kesan penyertaan kanak-kanak dalam penyelidikan

Organisasi hendaklah memahami kemungkinan kesan penyertaan kanak-kanak dalam penyelidikan terhadap perkembangan dan kesejahteraan mereka, sama ada penyelidikan tersebut dijalankan dalam organisasi atau oleh pihak luar.

Peka terhadap penyertaan kanak-kanak dalam penyelidikan

Sebelum memberikan persetujuan terhadap penglibatan kanak-kanak dalam penyelidikan, organisasi hendaklah menilai kesan penyertaan tersebut terhadap perkembangan dan kesejahteraan mereka. Organisasi juga hendaklah terus memantau kesan tersebut terhadap kanak-kanak sepanjang penyelidikan dijalankan serta mengambil tindakan yang sewajarnya apabila diperlukan.

Mematuhi standard etika dalam pelaksanaan penyelidikan

Penyelidik hendaklah mematuhi standard etika semasa menjalankan penyelidikan, khususnya apabila penyelidikan melibatkan kanak-kanak. Penyelidik hendaklah:

1. Memaklumkan kepada ibu bapa, dengan cara yang jelas dan mudah difahami, mengenai tujuan dan kepentingan penyelidikan, perkara yang perlu dilakukan oleh anak mereka serta sebarang kemungkinan risiko;

2. Mendapatkan persetujuan termaklum daripada ibu bapa sebelum melibatkan anak mereka dalam penyelidikan;

3. Menghormati hak kanak-kanak dan ibu bapa untuk menarik diri daripada penyelidikan pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan sebarang alasan;

4. Menjaga kerahsiaan maklumat dan data peserta; dan

5. Melaporkan dapatan penyelidikan dengan cara yang tidak mendedahkan identiti setiap peserta.

Perlindungan privasi kanak-kanak

Perkara 16 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCRC), Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) melindungi privasi setiap kanak-kanak. Pendidik awal kanak-kanak hendaklah menghormati privasi, maruah dan kerahsiaan setiap kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

Privasi merangkumi data peribadi, imej dan apa-apa maklumat yang boleh mengenal pasti kanak-kanak, termasuk data yang dikumpulkan dengan persetujuan termaklum daripada ibu bapa atau penjaga yang sah. Pendidik dan organisasi hanya boleh berkongsi, menerbitkan atau memuat naik maklumat tersebut ke media sosial atau platform elektronik lain setelah memperoleh persetujuan termaklum secara bertulis daripada ibu bapa atau penjaga yang sah. Tanpa persetujuan tersebut, imej hanya boleh dipaparkan sekiranya wajah kanak-kanak ditutup bagi mengelakkan identitinya dikenal pasti.

Membentangkan semua dapatan penyelidikan secara tepat dan objektif

Semua dapatan penyelidikan hendaklah berasaskan data yang dikumpulkan, manakala tafsiran terhadap dapatan tersebut hendaklah berlandaskan fakta.

Menyokong penyelidikan bagi memperkukuh dan memperluas asas pengetahuan bidang awal kanak-kanak

Dapatan penyelidikan penting kepada khazanah ilmu dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Dengan menyokong dan melibatkan diri dalam penyelidikan, pendidik awal kanak-kanak dapat membantu menemukan pemahaman baharu tentang perkembangan kanak-kanak atau pendekatan pedagogi yang baharu. Melalui usaha ini, mereka dapat memperkukuh dan memperluas asas pengetahuan dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Penghargaan

Ramai individu dan organisasi telah menyumbang kepada pembangunan Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak di Malaysia 2019 dan Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak di Malaysia, Edisi Kedua 2026.

Majlis ECCE ingin merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam apa jua cara kepada pembangunan Kod Etika 2019, serta kepada kajian semula dan penyemakan edisi pertama Kod Etika, yang kemudiannya diikuti dengan penyuntingan, penterjemahan dan penterjemahan semula untuk menghasilkan Kod Etika 2026.

Walaupun tidak mungkin untuk merekodkan sumbangan setiap individu yang terlibat, Majlis ingin memberikan penghargaan khusus kepada individu, agensi kerajaan, institusi dan organisasi berikut yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan meja bulat dan/atau bengkel serta berkongsi kepakaran, pengetahuan, pengalaman dan/atau pandangan mereka.

Kementerian Pendidikan Malaysia

- YBhg. Datin Rosliza binti Rosli, Pengarah, Bahagian Pendidikan Swasta.
- Puan Illy Nadia binti Barudin, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Swasta.

Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak

- Puan Salina Bujang, Ketua Bahagian Pembangunan Awal Kanak-Kanak.

Penyumbang Individu

- Profesor Dr Nordin bin Mamat, Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Inovasi Pedagogi, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Profesor Dr Loh Sau Cheong, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan Timbalan Presiden, Persatuan Kebangsaan Pendidikan Khas.

Jabatan, Bahagian dan Agensi Kerajaan

- Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Perpaduan Negara
- Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan
- Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

Institusi Pengajian Tinggi

- Open University Malaysia
- Universiti Malaya
- Universiti Pendidikan Sultan Idris
- HELP University
- Management and Science University
- SEGI College
- SEGi University
- Southern University College
- Taylor’s University
- UCSI College

Persatuan Profesional dan Organisasi Masyarakat Sivil

- Association of Professional Early Childhood Educators, Malaysia (MAPECE)
- Montessori Association of Malaysia
- Persatuan Guru-Guru Tadika Malaysia
- Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia
- Persatuan Tadika Malaysia

Penyedia dan Organisasi Pendidikan dan Asuhan Awal Kanak-Kanak

- Busy Bees Malaysia Sdn. Bhd.
- Childcare Centre My Playpen
- Cutie Cottage Child Care Centre
- HANKIDZ Leadership Preschool
- Melody Kindyland Malaysia
- Pink Tower Childcare Centre
- REAL Kids
- Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Jalan Fletcher
- TASKA Seri Mawar Indah
- TASKA Bayu Mewah

Jawatankuasa Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak Edisi Kedua 2026

Pengerusi: Datuk Dr Chiam Heng Keng

Penyelaras: Puan Karen Tan Chiew Jhong

Setiausaha: Puan Yew Tian Tian

Ahli: Puan Amy Bala, Puan Carolyn Choo, Dr Irene Leow

Majlis ECCE merakamkan penghargaan yang tulus kepada Taylor's University dan CareConnect Academy masing-masing, yang telah menaja tempat acara bagi perbincangan Meja Bulat dan Bengkel.

Kami juga menghargai semua individu yang telah menyumbang dalam apa jua kapasiti kepada pembangunan Kod Etika bagi Profesional Awal Kanak-Kanak, Edisi Kedua (2026).

Nota